



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
(Accountant General's Department Malaysia)  
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN  
NO. 1, PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 2  
62594 PUTRAJAYA

Telefon : 603-8882 1000  
Faks : 603-8882 1042  
Web : www.anm.gov.my



Ruj Kami : JANM.BPOPP.600-15/4/13(27)  
Tarikh : 29 Mac 2023

**Ketua Akauntan, Bahagian Akaun Kementerian**

**Pengarah JANM Negeri/Cawangan**

Tuan/ Puan,

---

**SURAT EDARAN BPOPP BILANGAN 2 TAHUN 2023**

---

**HAD KEKERAPAN PENGGUNAAN *ONE TIME VENDOR* (OTV) DI iGFMS**

---

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan keputusan Mesyuarat Pengarah dan Ketua Akauntan Bilangan 1 Tahun 2023 bertarikh 14 Mac 2023, **kekerapan penggunaan *One Time Vendor* (OTV) di bawah kod vendor 10001 dan 10009 di sistem iGFMS dihadkan sebanyak tiga (3) kali** untuk setiap ID penerima bayaran bagi setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam tempoh setahun. Ini bagi memastikan penggunaan OTV adalah terkawal penggunaannya kepada keperluan operasi tertentu sahaja.

3. **Pelaksanaan ini berkuatkuasa pada 1 Mei 2023** dan sekiranya penggunaan OTV telah mencapai tiga (3) kali bagi tahun ini untuk ID penerima berkenaan, Pusat Tanggungjawab hendaklah mewujudkan kod vendor yang bersesuaian untuk meneruskan bayaran.

4. Sehubungan dengan itu, **kerjasama Pejabat Perakaunan untuk memanjangkan perkara ini kepada PTJ dan memberi peringatan kepada PTJ bagi perkara berikut :**

- i. PTJ hendaklah memastikan bahawa semua Arahan Pembayaran oleh PTJ menggunakan maklumat Data Induk Pembekal iGFMS seperti yang ditetapkan seperti di **Lampiran 1**.

- ii. Kaedah penyelesaian bagi pembayaran yang menggunakan OTV adalah seperti di **Lampiran 2.**

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
***"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"***

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHD AZRAAI BIN MD AZNAN C.A. (M))**

Pengarah

Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan  
b/p Akauntan Negara Malaysia

LAMPIRAN 1

No.	Kod Vendor OTV	Nama Vendor OTV	Keterangan Bagi Penerima Bayaran Vendor OTV
1.	10000	Saraan Federal Government	Penerima bayaran yang ditetapkan untuk Modul HCM seperti penerima bayaran nafkah atau penerima bayaran saraan.
2.	10001	EMP2 – Pendapatan Bercukai	Penerima bayaran untuk pegawai/ kakitangan awam yang belum didaftarkan di dalam kategori Kod Vendor EMP atau pegawai/ kakitangan awam yang di bawah arahan Tahan Gaji atas sebab tertentu.
3.	10002	Factoring Vendor OTV	Penerima bayaran yang ditetapkan oleh pihak ePerolehan sebagai penerima bayaran syarikat Pemfaktoran
4.	10003	INSIST OTV	Penerima bayaran yang ditetapkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia melalui sistem INSIST
5.	10004	eCourtFinance OTV	Penerima bayaran yang ditetapkan oleh Jabatan Kehakiman melalui sistem eCourtFinance
6.	10005	eBantuan	Penerima bayaran yang ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk penerima bayaran bantuan JKM melalui sistem eBantuan.

<b>No.</b>	<b>Kod Vendor OTV</b>	<b>Nama Vendor OTV</b>	<b>Keterangan Bagi Penerima Bayaran Vendor OTV</b>
7.	10007	Penerima GUMIS	Penerima bayaran bagi bayaran balik Wang Tak Dituntut.
8.	10008	Deposit AR	Penerima bayaran bagi keadaan bayaran balik Deposit Am.
9.	10009	OTV-Arahan Pembayaran	Penerima bayaran yang tidak didaftarkan di dalam Data Induk Penerima Bayaran iGFMS bagi bayaran secara one off yang dikhususkan untuk Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan sahaja.
10	10010	eLembaga Peperiksaan	Penerima Bayaran yang ditetapkan bagi Lembaga Peperiksaan